



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**JURUTEKNIK UKUR KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTEKNIK UKUR KANAN
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN= EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Geomatik / Pemetaan / Pengurusan Maklumat Tanah / Pentadbiran / Ukur Tanah atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Ukur Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Juruteknik Ukur Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.4 / D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau Juruteknik Ukur atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji D.4 / D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran dan pengurusan maklumat tanah.
3. Mempunyai pengalaman yang luas dan terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja Ukur Tanah / Geomatik.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam unit kecil di Bahagian Ukur Geomatik atau Bahagian Pemetaan Informatik;
2. Mengawasi perjalanan kerja harian Ukur Geomatik dan Pemetaan Informatik menepati matlamat pada jangka masa yang dirancang;
3. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam perancangan spesifikasi Ukur Geomatik atau spesifikasi Pemetaan / Geomatik;
4. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam keperluan-keperluan latihan harian di unit masing-masing;
5. Menyelia dan menyemak perjalanan kerja mengikut Prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*);
6. Mengawasi dan mengetuai kerja-kerja Ketua Pasukan Ukur Geomatik;
7. Mengawasi sumber tenaga bawahan;
8. Mengawas ke atas pemeliharaan dan baikpulih alat-alat yang digunakan;
9. Menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil *Quality Control Circles* di bawah Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*); dan
10. Lain-lain tugas yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.